

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XXI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

11. Sila perincikan senarai Universiti Asing yang berminat untuk membuka cawangan di negeri Pulau Pinang?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri telah menerima cadangan untuk pembangunan sekolah antarabangsa iaitu *Stonyhurst College* dari United Kingdom. *Stonyhurst* merupakan kolej berusia 400 tahun dan akan menggunakan silibus akademik dan kokurikulum dari United Kingdom bagi pelajar seawal umur empat (4) tahun sehingga 18 tahun dengan pensijilan "O Level", "A Level" dan " *International Baccalaureate* " (IB) Level. Projek ini dalam peringkat awalan perancangan dan dijangka akan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu pada tahun 2020.

Selain itu, terdapat satu (1) cadangan perancangan pembangunan universiti asing di Bandar Cassia, Batu Kawan iaitu daripada *Plymouth University* yang berhasrat untuk menawarkan kursus kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan masih belum dimuktamadkan kerana perjanjian belum ditandatangani sehingga kini.